

GALAKKAN PELAJAR TEROKAI TEATER, KATA PENGARAH ASK

BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 24/03/2006 | Author: / MFD HK ROS

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Teater, iaitu asas bagi bidang kreatif, perlu digalakkan di kalangan pelajar dalam usaha memberikan bidang yang lebih luas untuk mereka terokai.

Pengarah Akademi Seni Kebangsaan (ASK) Omar Awang berkata apabila pelajar didedahkan dengan aktiviti teater, mereka lebih mudah mendalami bidang kreatif lain seperti lakonan, pengarahan, pengurusan pentas, filem dan sinematografi.

"Teater boleh membantu mereka mendapatkan kerjaya yang lebih luas dalam industri kreatif," kata Omar kepada Bernama.

Beliau berkata pelajar perlu diberi pendedahan awal mengenai teater bagi menimbulkan minat mereka terhadap bidang tersebut.

Untuk tujuan itu, ASK mengadakan program teater dalam pendidikan bagi memberi peluang kepada pelajar sekolah mendapatkan ilmu asas dalam bidang kreatif, khususnya teater secara bersistematik.

Buat permulaan, ASK mengadakan bengkel teater dalam pendidikan pada Rabu lepas untuk pelajar tingkatan empat di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya yang dihadiri 46 orang.

Omar berkata pelajar terbabit menjalani pelbagai latihan termasuk teknik menghafal skrip, teknik melontar suara, komunikasi gerak badan dan teknik ekspresi muka.

Sekolah yang terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Desa Utama, SMK La Salle Brickfields, SMK Putrajaya Satu, SMK Bukit Bandaraya, SMK Seri Pantai, SMK Bangsar dan SMK Taman Maluri.

-- BERNAMA

MFD HK ROS